

Tel. No. 088 - 222337/222336/
222031/218201

Fax. No. 088 - 222557



JABATAN PERANCANG BANDAR DAN WILAYAH
Tingkat 3, 4 dan 5, Menara SDB
Blok B, Wisma Tun Fuad Stephens
Km. 2,4, Jalan Tuaran
88646 Kota Kinabalu
Sabah, Malaysia

Rujukan : JPBW: 99/63 Jld.39/(55)
Tarikh : 16 November 2015

Mayor
Dewan Bandaraya Kota Kinabalu
No. 1, Jalan Bandaran
88675 KOTA KINABALU

Presiden
Majlis Perbandaran Sandakan
Peti Surat 221
90702 SANDAKAN

Presiden
Majlis Perbandaran Tawau
Peti Surat No. 412
91007 TAWAU

Pesuruhjaya
Lembaga Bandaran Kudat
Peti Surat No. 201
89058 KUDAT

Semua Pengerusi
Majlis-Majlis Daerah
NEGERI SABAH

Semua Pegawai Eksekutif
Lembaga Bandaran Kudat dan Majlis-Majlis Daerah
NEGERI SABAH

Ybhg. Datuk/Tuan/Puan,

PEKELILING LPPBD BIL. 4/2015:

**DASAR PENGASINGAN DAN PELUPUSAN SISA MAKANAN DI PERINGKAT AWAL KAWASAN
PIHAK BERKUASA TEMPATAN (PBT)**

Dengan hormatnya perkara di atas dirujuk.

2/.....

JANGAN TERJERUMUS KE DALAM PERANGKAP DADAH

Rujukan : JPBW. 99/63 Jld.39/(55)

Tarikh : 16 November 2015

(2)

2. Sila maklum bahawa perkara di atas telah dipertimbangkan dalam Mesyuarat Lembaga Pusat Perancang Bandar dan Desa No. 9/2015 pada 29 September 2015.

3. Dalam mesyuarat itu Lembaga Pusat dimaklumkan bahawa dasar di atas adalah bertujuan untuk mengurangkan penghantaran sisa pepejal ke tapak-tapak pelupusan sampah agar jangkahayat penggunaan tapak-tapak pelupusan sampah dapat dipanjangkan dengan memastikan bahawa sisa makanan dilupuskan di peringkat awal.

4. Lembaga juga dimaklumkan bahawa melalui surat pekeliling kepada semua Pihak Berkuasa Tempatan ruj. KKTP: (S)200-2/7/0/1 JLD.4 (37) bertarikh 13 Mei 2015, Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan memaklumkan bahawa YB. Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan telah memutuskan supaya dasar pengasingan dan pelupusan sisa makanan dilaksanakan di semua PBT.

5. Pekeliling tersebut juga memaklumkan bahawa memandangkan pada ketika ini hanya mesin Bio Green keluaran Milen Bio (Korea) Sdn. Bhd. Yang digunakan di kawasan DBKK berkemampuan melupus sisa makanan, maka semua PBT diminta untuk menguatkuasakan penggunaan mesin/teknologi tersebut di permis-permis makanan di kawasan PBT masing-masing.

6. Menyusuli pekeliling di atas, Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan melalui surat ruj. KKTP: (S)200-2/7/1 JLD.4 (70) bertarikh 10 Ogos 2015 mengesahkan bahawa YB Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan bersetuju melantik Milen Bio (Korea) Sdn Bhd sebagai pengedar/pembekal tunggal Mesin Bio Green untuk semua PBT di Sabah.

7. Selanjutnya melalui surat ruj. KKTP: (S)200-2/7/0/1 JLD.4 (71) bertarikh 21 Ogos Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan memaklumkan bahawa bagi menjayakan dasar pengasingan/pelupusan sisa makanan di peringkat awal maka semua bangunan baru seperti kedai, rumah dan sebagainya disyorkan menggunakan mesin bio green. Lembaga Pusat diminta untuk mengambil tindakan terhadap tambahan syarat kelulusan pembangunan baru dengan mengambilkira penggunaan mesin tersebut bagi tujuan pelupusan sisa makanan.

8. Setelah meneliti dan membincang cadangan di atas, selaras dengan pekeliling yang dikeluarkan oleh KKTP, ruj. KKTP(S)200-2/7/0/1 Jld.4(71) bertarikh 21 Ogos 2015 tersebut di atas, Lembaga Pusat pada dasarnya bersetuju agar Pihak Berkuasa Tempatan menjadikan penggunaan mesin pelupus sisa makanan yang dimaksudkan di atas sebagai syarat tambahan kelulusan pembangunan baru tertakluk kepada peraturan-peraturan sedia ada.

9. Syarat tambahan di atas adalah berkuatkuasa dengan serta merta.

3/.....

JANGAN TERJERUMUS KE DALAM PERANGKAP DADAH

Rujukan : JPBW. 99/63 Jld.39/(55)
Tarikh : 16 November 2015

(3)

10. Sukacita kiranya pihak Ybhg. Datuk/Tuan/Puan dapat melaksanakan tindakan susulan yang sewajarnya berhubung dengan keputusan Lembaga Pusat di atas.

Sekian, terima kasih.

*** BERKHIDMAT UNTUK NEGARA DENGAN BERSIH, CEKAP DAN AMANAH ***
1 MALAYSIA : RAKYAT DI DAHULUKAN PENCAPAIAN DIUTAMAKAN

(HAJI MURSIDI HAJI SAPIE)

Setiausaha

Lembaga Pusat Perancang Bandar dan Desa

Sk. Semua Ahli Lembaga Pusat Perancang Bandar dan Desa, Sabah (untuk makluman)

Semua Pegawai Perancang Bandar, Jabatan Perancang Bandar dan Wilayah, Negeri Sabah (untuk makluman)

Edaran dalaman - JPBW: 100-27/945

MHS/PF/st

JANGAN TERJERUMUS KE DALAM PERANGKAP DADAH